

IGB Reit cadang ambil alih MVS Mall

KUALA LUMPUR - GB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) bercadang untuk mengambilalih The Mall, Mid Valley Southkey (MVS Mall) di Johor Bahru berharga RM2.65 bilion.

IGB REIT melalui satu makluman kepada Bursa Malaysia berkata, pengambilalihan itu akan dilaksanakan oleh Mtrustee Bhd yang bertindak sebagai pemegang amanah untuk dan bagi pihak IGB REIT dari Southkey Megamall Sdn Bhd (SMSB).

Cadangan pengambilalihan merangkumi pusat beli-belah, aset operasi, perjanjian penyewaan, kontrak penting dan komponen yang berkaitan.

"MVS Mall terdiri daripada pusat beli-belah lima tingkat dengan lantai mezanin, bersama-sama dengan tempat letak kereta berasingan lapan tingkat dan dua tingkat tempat letak kereta bawah tanah," katanya.

Pengambilalihan itu tidak dijangka mempunyai kesan material terhadap pendapatan IGB REIT, pendapatan seunit dan perolehan yang boleh diedarkan setiap unit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025 kerana perjanjian itu hanya akan dilaksanakan dan disiapkan menjelang suku keempat 2025, katanya. - *Bernama*